



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**22 APRIL 2021 (KHAMIS)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**22 APRIL 2021 (KHAMIS)**

# Kerajaan bukan mahu aniaya peniaga

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan menerangkan penetapan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 bertujuan menyekat perlakuan manipulasi harga oleh peniaga yang tidak beretika dan bukannya untuk menganiaya golongan berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, penguatkuasaan skim itu yang bermula semalam sehingga 20 Mei ini menggunakan pendekatan seimbang peniaga dan pengguna.

Justeru, katanya, tidak timbul isu kerajaan menganiaya peniaga akibat pelaksanaan skim tersebut kerana terpaksa menanggung kerugian ekoran harga tinggi daripada pembekal.

Sebaliknya, kata beliau, ia memberi manfaat kepada kedua-dua pihak yang mana peniaga mendapat faedah kerana skim itu turut melibatkan setiap rantaian pengedaran barang bagi mengekang isu orang tengah yang cuba memanipulasi harga semasa berurus niaga dalam kalangan peniaga sendiri.

Pengguna pula dapat menikmati harga runcit pada kos yang berpatutan, terutama apabila dalam tempoh kemuncak seperti sepanjang Ramadan dan menjelang perayaan.

"Penetapan harga siling di bawah skim ini adalah berdasarkan sesi libat urus bersama agensi kerajaan berkaitan dengan pembekalan dan harga, selain maklu-



**ALEXANDER NANTA LINGGI**

mat daripada pengeluar, pengimport, pembekal dan pemborong turut diambil kira. Ia menunjukkan penetapan harga siling mengambil kira semua pihak khususnya peniaga," katanya di sini semalam.

Menurut Alexander, kementerian mementukan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit berdasarkan kepada maklumat harga daripada beberapa pendekatan iaitu melalui pemantauan harga di semua daerah seluruh negara sepanjang tahun lalu hingga bulan ini berdasarkan kepada pungutan harga yang ditetapkan secara mingguan oleh KPDNHEP.

Beliau berkata, turut diambil kira adalah pandangan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan iaitu Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta maklumat daripada pengeluar, pengimport, pembekal dan pemborong.

Beliau menjelaskan, penen-

tuan harga bagi negeri-negeri mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga, khususnya bagi barang import yang dipengaruhi harga di negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak.

"Pelaksanaan skim ini adalah demi melindungi pengguna daripada perlakuan segelintir peniaga yang tidak beretika menaikkan harga barang keperluan semasa Ramadan dan menjelang Aidilfitri yang akan disambut pada 13 Mei ini.

"Pelaksanaan SHMMP HRP 2021 ini adalah secara berfasa iaitu fasa pertama melibatkan 12 jenis barang dan fasa kedua melibatkan pertambahan barang.

"Pelaksanaan SHMMP 2021 ini secara berfasa ini adalah bagi menstabilkan harga barang kritis dan mengekang kenaikan harga daripada terus berlaku. Ia juga sebagai tanda kerajaan mengambil berat dan bertindak atas rungutan pengguna pada masa sekarang," katanya.

Alexander berkata, mananya peniaga yang melakukan kesalahan dan melanggar pematuhan SHMMP 2021 akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipericatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti iaitu bagi kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 (individu) dan boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000 (syarikat).

## Harga terus melambung, kerajaan cadang harga siling



ROSOL

**PUTRAJAYA** — Kerajaan sedia mempertimbang untuk memperkenalkan harga siling ayam sekiranya harga barang mentah itu terus meningkat selepas Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 berakhir pada 20 Mei ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, pada ketika ini, harga ayam dikawal di bawah SHMMP.

"Kita boleh memikirkan untuk melaksanakan tindakan ini (harga siling) sekiranya harga ayam

kembali meningkat pada satu tahap tidak munasabah.

"Ketika ini harga ayam tertakluk di bawah harga kawalan ketika SHMMP dilaksanakan.

"Jika laksanakan harga siling, kita boleh mengawalnya (harga ayam) sepanjang musim," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Rosol berkata, pihaknya tidak teragak-agak untuk menambah permit import (AP) ayam sekiranya penternak masih berdegil menaikkan harga meskipun SHMMP telah dilaksanakan.

Sebagai alternatif jangka

panjang, KPDNHEP bercadang mewujudkan stok penimbang ketika musim perayaan bagi memastikan bekalan ayam sentiasa mencukupi selain mengelakkan manipulasi harga atau ada pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga sewenang-wenangnya.

"Kita akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sebelum melaksanakan alternatif ini," katanya.

Sebelum ini *Kosmo!* melaporkan Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia menyifatkan cadangan kerajaan mahu

mengimport ayam bagi menukar harga runcit di Malaysia bakal 'membunuh' perniagaan lebih 3,000 pekerjaan tempatan.

Langkah itu dijangka merosakkan industri tempatan mendangkan bekalan ayam sedia ada mencukupi.

Mengulas dakwaan itu, Rosol berkata, kementerian mengakui bekalan ayam mencukupi, namun mempersoalkan harga yang melambung di bulan puasa.

"Kenakan harga boleh diterima, tetapi kenapa meningkat tiga kali seminggu dan dijual sehingga RM10 sekilogram," katanya.

Masih jual ayam, daging tidak ikut SHMMP 2021

# Peniaga ingkar

**PETALING JAYA:** Sebahagian besar peniaga di seluruh negara ingkar untuk mematuhi harga bahan mentah terutamanya ayam dan daging mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang berkuat kuasa semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar-pasar utama menda-

pati ayam standard dijual pada harga sebelum ini RM9 sekilogram berbanding harga siling RM7.90 sekilogram, manakala daging lembu tempatan RM40 sekilogram berbanding harga SHMMP yang disyorkan RM34.

Para peniaga memberi alasan tidak mempunyai pilihan selain mengekalkan kos lama bagi mengelak menanggung

kerugian kerana masih dikenakan harga yang tinggi oleh pembekal walaupun menyedari tindakan itu boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan.

Sementara yang lain mengadakan alasan terpaksa menghabiskan stok barang yang dibeli lebih awal daripada pembekal sebelum pelaksanaan harga SHMMP manakala

segelintir sahaja yang mematuhi harga baharu diperkenalkan kerajaan.

Di Kedah, kerajaan negeri memberikan peniaga tempoh selama tiga hari untuk mereka menghabiskan stok lama sebelum mematuhi harga siling seperti diarahkan kerajaan.

**Bersambung di muka 10**

## Peniaga ingkar

Dari muka 1

Di **KEDAH**, peniaga ayam dan daging di Jitra serta Sungai Petani tidak mempedulikan harga disenaraikan dalam SHMMP 2021 dengan alasan terpaksa membeli pada harga tinggi daripada pembekal dan pemborong.

Seorang peniaga yang mahu dikenali Atan berkata, peniaga di pasar itu masih menjual ayam dengan harga mahal mengikut harga diperoleh pemborong.

Di **JOHOR**, peniaga daging lembu tempatan dan sejuk beku import masih menjual mengikut harga lama dan tidak mengikut SHMMP 2021 yang dikuatkuasa mulai semalam.

Peniaga, Muhammad Lukman Ibrahim, 32, berkata, mereka terpaksa berbuat demikian dengan menjual pada harga RM40 sekilogram kerana harga pembekal terlalu tinggi mencecah RM38.

"Kalau kami ikut harga ditetapkan, kami rugi. Kami perlu mengambil kira tentang bayaran sewa, gaji pekerja serta kos-kos yang lain," katanya ketika ditemui di Pasar Awam Larkin Sentral semalam.

Di **PAHANG**, kerajaan digesah mengkaji semula formula penetapan harga ayam hidup dan ayam standard untuk SHMMP 2021 supaya pemain industri berkenaan tidak terbebani.

Ini berikutan, harga sedia ada dikatakan tidak relevan kerana tidak mengambil kira faktor susut berat ayam hidup selepas diproses sekali gus merugikan pengusaha kilang pemprosesan ayam.

"Hari ini kami hanya untung RM20 sahaja selepas setengah hari bermiaga," keluhan peniaga ayam, Shahrom Mohammad, 40, tentang pendapatannya yang terjejas berikutan stok ayam yang dicatut pihak pembekal.

Menurutnya, hari pertama

### Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2021

BARANGAN	HARGA		HARGA RUNCIT PENIAGA
	BORONG	RUNCIT	
Ayam hidup (kg)	RM6.30	RM6.80	RM7.90
Ayam standard (kg)	RM7.10	RM7.90	RM8.30-RM9.00
Daging sejuk beku import (kg)	RM17.00	RM18.00	RM24.00
Daging lembu tempatan (kg)	RM32.00	RM34.00	RM38.00-RM40.00
Ikan kembung (kg)	RM15.00	RM15.00	RM12.50



**ANGGOTA** penguatan kuasa KPDNHEP Negeri Kedah memeriksa dan memantau harga ayam di Pasar Besar Alor Setar semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN.

pelaksanaan SHMMP 2021, pembekal mula mencatut stok ayam berikutnya ada segelintir kilang pemprosesan ayam 'bercuti'.

"Hari ini kami hanya menerima bekalan ayam 20 ekor sahaja dan pembekal mencatut bekalan bagi membolehkan semua peniaga menerima bekalan

ayam daripadanya.

Di **PULAU PINANG**, peniaga daging lembu tempatan dihimpit isu kenaikan harga apabila terpaksa dijual pada harga RM34 kerana kami berdepan kerugian sebanyak RM1,500 bagi setiap seekor lembu, kehunya.

Seorang peniaga ayam, Alizan Tambi, 50, berkata, penetapan harga ayam standard iaitu RM7.90 sekilogram disifatkan sebagai tidak munasabah.

"Kami telah dapat harga ayam daripada pembekal juga sudah

tinggi tetapi mereka minta kami jual pada harga RM7.90 dan ia berlangsung selama sebulan, tidak pernah terjadi skim harga berlangsung selama ini, la betul-betul menindas golongan peniaga," katanya.

Di **KELANTAN**, Pasar Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, di sini masih mengekalkan harga lama ayam standard RM8.80 sekilogram, berbanding RM7.90.

Peniaga-peniaga memberi alasan akan menanggung kerugian jika menjualnya pada harga RM7.90 sekilogram.

"Kami beli bekalan ayam pun harganya sudah mahal, memang tak bolehlah guna harga itu (RM7.90)," kata salah seorang peniaga tanpa mahu melanjutkan pertanyaan wartawan yang menyamar sebagai pembeli.

Di **TERENGGANU**, kebanyakkan peniaga ayam di Pasar Bukit Besar di sini menyifatkan mereka sudah berputus asa untuk meneruskan perniagaan ekoran penguatkuasaan harga SHMMP 2021 yang dianggap tidak berpihak kepada mereka.

Seorang peniaga, Mohd Anuar Mohd. Rashid, 36, berkata, langkah kerajaan mengawal kenaikan harga barang basah itu tidak bersifat menyeluruh, sebaliknya hanya membunuh masa depan peniaga yang kini ibarat kais pagi, makan pagi.

Di **PERAK**, peniaga tidak setuju dengan harga ayam standard pada RM7.90 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Awam Batu Gajah mendapat rata-rata peniaga ayam berasa serba salah untuk menjual ayam pada harga mahal, namun terpaksa akur dengan harga maksimum ditetapkan.

Menurut peniaga ayam di pasar itu, Azwa Abdul Malek, 49, setiap kali musim perayaan, kerajaan akan menetapkan harga kawalan dan peniaga akan mengalami kerugian.

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021

# Peniaga patuh, pengguna lega

**2,296 penguat kuasa KPDNHEP seluruh negara digerakkan periksa premis**

Oleh Mohamed Farid Noh,  
Siti Haliza Yusop  
dan Essa Abu Yamin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hari pertama penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021 semalam, menyaksikan rata-rata peniaga mematuhi kadar harga ditetapkan, manakala pengguna pula lega kerana harga barang keperluan terentut lebih rendah berbanding sebelum ini.

Tinjauan BH di beberapa negeri mendapati peniaga menjual 12 jenis barang ditetapkan di bawah skim berkenaan pada harga ditetapkan. Antara barang disenaraikan adalah ayam, telur ayam, daging serta hasil laut seperti ikan tongkol, selayang, kembung dan mabung.

Skim itu berkuat kuasa selama 30 hari, iaitu 22 hari sebelum dan tujuh hari selepas perayaan yang dilaksanakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Ia dilaksanakan susulan peningkatan harga yang mendadak kebelakangan ini.

Pengarah Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam-

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam, berkata 2,296 penguat kuasa di seluruh negara digerakkan bagi memeriksa premis perniagaan sepanjang 30 hari pelaksanaan skim itu.

"Pemantauan di seluruh negara hari ini (semalam) mendapat kebanyakan peniaga mematuhiinya, kecuali sebahagian kecil yang memberi alasan tidak tahu adanya skim ini."

"Bagi peniaga ingkar, mereka sudah diberi amaran dan disuruh mematuhi harga baharu," katanya di sini, semalam.

Bagi kakitangan kerajaan di ibu negara, Noor Aini Salwani Fauzi, 37, dia lega melihat pernurunan harga ayam standard kerana minggu lalu, tiga ayam seberat lima kilogram dibelinya pada harga hampir RM50.

"Memang terasa sangat peningkatan harga ayam kebelakangan ini. Tambahan lagi sepanjang Ramadan, hari-hari saya memasak untuk juadah berbuka," katanya ketika ditemui di pasar raya segar.

Di Johor Bahru, tinjauan di pasar basah di Tampoi dan Skudai mendapati pengguna berpuas hati dengan pelaksanaan skim berkenaan, termasuk pekerja swasta, Hidayah Abd Wahab, 43, yang lega apabila harga barang yang dia beli turun selepas naik mendadak, sejak sembilan hari lalu.

"Alhamdulillah, lega apabila lihat harga ayam RM7.90 sekilogram berbanding RM9.50 sejak beberapa hari lalu," katanya.

Peniaga ayam, Marwan Bah-



EXCO Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kedah, Wan Romani Wan Salim (kiri) bersama Mohd Shahran (dua dari kanan) memantau harga ayam di Pasar Besar Alor Setar, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

rom, 35, juga lega KPDNHEP menguatkuasakan skim harga, termasuk ayam segar kerana sebelum ini terpaksa berdepan pengguna yang tidak berpuas hati dengan harga yang tinggi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Johor, Mohd Hanizam Kecheh, berkata pihaknya mengeluarkan 18 kompaun ke atas peniaga yang ingkar pelaksanaan Op Pantau di Johor, bernilai hampir RM2,000 sejak operasi 13 April lalu.

"Sepanjang lebih seminggu operasi dilaksanakan, 18 kes membabitkan peniaga di bazar Ramadan, bazar hari raya, pasar

awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar kecil dan kedai rungit," katanya meminta pengguna yang ingin membuat aduan, menghubungi sistem e-aduan, talian 1-800-886-800 atau melalui WhatsApp di talian 019-2794317.

Di Alor Setar, KPDNHEP mengeluarkan lima Notis Pengesahan Maklumat Barang serta Notis Bertulis kepada lima syarikat pemborong dan penternak ayam di negeri itu bagi mengenal pasti sama ada kenaikan harga ayam baru-baru ini disebabkan pemborong atau penternak.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kedah, Mohd Shah-

ran Mohd Arshad, berkata menerusi notis itu, peniaga atau pemilik syarikat perlu melengkapkan data kos secara terperinci dengan menyertakan resit, invoice jualan, invoice belian dan pernyataan jualan pada tahun semasa serta tiga tahun sebelum ini.

"Kita kemakan notis ini kepada lima syarikat, iaitu dua di Alor Setar dan masing-masing satu di Kulim, Sungai Petani dan Balik, katanya menegaskan, sekiranya syarikat berkenaan dikesan melakukan kesalahan, mereka akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011."

# Langgar harga siling

Peniaga gagal patuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2021



PARA peniaga di seluruh negara didapati tidak mempedulikan arahan kerajaan untuk mematuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang mula dikuatkuasakan semalam apabila tetap menjual barang basah melebihi harga siling yang ditetapkan.

Tinjauan mendapati, peniaga meletakkan harga sehingga

RM40 untuk sekilogram daging, manakala RM9 untuk ayam.

Rata-rata peniaga memberikan alasan mereka masih menerima bekalan pada harga tinggi daripada pembekal.

Harga siling SHMMP untuk ayam dan daging ditetapkan RM7.90 dan RM34 sekilogram.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2

**EXCO Negeri**

Kedah, Tuan Romani Wari Salin (dua dari kanan) bersama Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kedah, Rae Morn Verak (dua dari kiri) berbual dan mendengar masalah peniaga di Pasar Besar Alor Setar semalam.

— SHAHIR NOORDIN



(KANAN) Anggota KPDNHEP Kedah memeriksa dan memantau harga ayam di Pasar Besar Alor Setar semalam. (ATAS) Seorang peniaga menunjukkan daging yang dijual di Pasar Awam Larkin Sentral, Johor Bahru semalam.

Harga ayam, daging lembu kekal tinggi hari pertama pelaksanaan SHMMP

## Kami tidak ada pilihan – Peniaga

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS,  
+ HASLIZA NUSI dan MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**PETAING JAYA** – Harga ayam dan daging lembu tempatan di kebanyakan negeri masih tinggi biaarpun kerajaan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 di seluruh negara semalam.

Tinjauan Kosmo di seluruh negara mendapati, ada peniaga yang menjual ayam mencecah RM9 sekilogram berbanding RM7.90, harga maksimum yang ditetapkan SHMMP.

Di Kedah, tinjauan di Pasar Jitra mendapati, selain ayam, harga daging tempatan juga ting-

gi iaitu RM40 sekilogram. Harga ayam dan daging tempatan itu kekal sejak beberapa hari lalu.

Rata-rata peniaga yang ditemu memberi alasan mereka masih menerima harga yang tinggi daripada pembekal walaupun SHMMP dikuatkuasakan.

Seorang pengguna, Alias Ismail, 47, berkata, dia terkejut dengan harga tinggi itu dan melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, di Pasar Borong Kampung Atap, Sungai Petani, kebanyakan peniaga tidak mempedulikan harga yang ditetapkan SHMMP apabila menjual ayam pada harga RM8.30 hingga RM9

sekilogram.

Harga daging lembu tempatan pula dijual RM36 hingga RM38 sekilogram, berbanding harga maksimum ditetapkan RM34.

"Kami tiada pilihan, kalau ikut SHMMP untung sedikit," kata peniaga yang enggan dikenali.

Pengerusi Jawatankuasa Pernegerian, Komunikasi dan Multimedia serta Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kedah, Romani Wan Salin berkata, pihaknya mengeluarkan notis kepada dua' penternak dan tiga pemborong ayam berikutnya kenaikan harga barangan itu.

Di George Town, peniaga daging lembu dihimpit dengan isu kenaikan harga daripada pemborong sehingga terpaksa menjual

barang mentah itu pada harga RM38 hingga RM40 sekilogram.

Daging lembu tempatan termasuk dalam senarai 12 barang terkawal di bawah SHMMP Hari Raya 2021 sehingga 20 Mei ini.

Kedua sama turut berlaku di Johor apabila rata-rata peniaga daging lembu tempatan dan sejuk beku import di Johor Bahru masih menjual pada harga lama dan tidak mengikuti SHMMP yang dikuatkuasakan semalam.

Menurut peniaga, Muhammad Lukman Ibrahim, 32, dia terpaksa menjual daging tempatan RM40 sekilogram.

"Bagaimana hendak ikut harga yang ditetapkan (kerajaan), sedangkan harga pembekal lebih tinggi. Kalau ikut harga maks-

mum, kami akan rugi," katanya.

Menurutnya, peniaga akan menurunkan harga sekiranya pembekal berbuat demikian.

"Kami harap kerajaan camput tanggan dan pantau harga yang ditetapkan pembekal," katanya.

Bagi peniaga, Mohd. Nadzri Ahmad, 41, mereka bukan seringga melanggar harga maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan kerana barang mentah yang diperoleh sudah mahal.

"Takkan kami berniaga nak rugi. Kami boleh berjimat jika beli sekor lembu, tetapi ia mustahil kerana kosnya tinggi," katanya.

Sebanyak 18 kompaun dikeluarkan kepada peniaga yang ingkar dalam Ops Pañau di Johor sejak 13 April lalu.



HARI : KHAMIS  
TARIKH : 22/4/2021  
M/SURAT : 18A

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru**

“Alhamdulillah, lega apabila lihat harga ayam RM7.90 sekilogram (kg) hari ini (semalam) berbanding RM9.50 sejak beberapa hari lalu,” kata pekerja swasta, Hidayah Abd Wahab, 43.

Kelegaan itu diluhukan pengguna susulan penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP), bermula semalam, sekaligus mendorong barang keperluan terutama ayam turun secara mendadak.

Berdasarkan tinjauan Harian Metro di pasar basah kawasan Tampoi dan Skudai, kebanyakkan pengguna menarik nafas lega dengan langkah yang diambil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan melaksanakan SHMMP lebih awal tahun ini berbanding menjelang perayaan sebelum ini.

Hidayah berkata, dia lega apabila harga barang keperluan terutama ayam kembali turun selepas naik mendadak sejak sembilan hari lalu.

“Agak membebankan apabila harga ayam naik kerana kebanyakkan pengguna nemang beli ayam sebagai auk utama keluarga bericutan harga ikan agak mahal dan mengikut musim,” catanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ahad lalu, KPDNHEP mengumumkan 12 jenis barang bawah SHMMP 2021 bermula semalam.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, di-



# Harga ayam kembali turun

*Orang ramai lega penguatkuasaan SHMMP*

laporkan berkata, senarai barang yang diumumkan dalam SHMMP termasuk ayam, telur ayam, daging serta hasil laut seperti ikan tongkol, selayang, kembung dan mabung.

Sementara itu, suri rumah, Nor Azura Sulaiman, 38, pula berharap peniaga meletakkan tanda harga lebih besar dan jelas bagi membolehkan pengguna tahu harga barang jualan terutama yang disenaraikan mengikut SHMMP.

“Saya tak sedar SHMMP

“Agak membebankan apabila harga ayam naik  
Hidayah

mula berkuat kuasa hari ini (semalam) namun apabila peniaga ayam maklum harga ayam hari ini adalah RM7.90, baru saya tahu.

“Harapnya, peniaga gunakan poster tanda harga lebih besar kerana rasanya ramai pengguna tidak sedar, skim kawalan harga sudah dikuatkuasakan selain mengelakkannya di manipulasi peniaga tak bertanggungjawab,” katanya.

Sementara itu, peniaga ayam, Marwan Bahrom, 35, turut meluahkan kelegaan

apabila SHMMP mula berkuat kuasa kerana sejak sembilan hari lalu, kebanyakkan peniaga ayam termasuk dia dimarahi pengguna kerana menaikkan harga ayam.

“Ada segelintir pengguna enggan percaya harga ayam naik bukan disebabkan peniaga tetapi dari ladang lagi disebabkan harga dedak yang melonjak.

“Namun saya juga bersyukur di sebalik pelaksanaan SHMMP, jualan ayam tahun ini meningkat sekali ganda, jika tahun lalu hendak capai jualan 150 ekor sehari pun susah, namun tahun ini jualan kembali antara 300 hingga 320 sehari,” katanya.



## Pengguna lega harga 12 barang turun, peniaga patuh harga siling

Sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 bermula semalam, anggota penguasa KPDNHEP melakukan pemantauan harga dan permatuhan peniaga termasuk di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. Sebanyak 12 jenis barang di bawah SHMMP dan jumlahnya akan ditambah dari semasa ke semasa menjelang Aidilfitri. **Nasional 21**

(Foto Hairul Anuar Rahim / BH)

# Kaji formula tetapkan harga ayam

Oleh **KHAIRULMIZAN YAHYA**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna digesa mengkaji semula formula penetapan harga ayam hidup dan ayam standard dalam Skim Harga Maksumum Musim Perayaan (SHMMP) 2021 supaya pemain industri berkenaan tidak terbebani.

Harga sedia ada dikatakan tidak relevan kerana tidak mengambil kira faktor susut be-

rat ayam hidup selepas diproses, sekali gus merugikan pengusaha kilang pemprosesan ayam.

Pengusaha kilang pemprosesan ayam, Hamdan Abdul Hamid, 44, berkata, harga ayam hidup menerusi SHMMP 2021 ialah RM6.30 sekilogram dan purata berat seekor ayam kira-kira 2.2 kilogram.

"Jadi, harga kos untuk seekor ayam hidup adalah RM13.86, namun selepas proses buang bulu serta perut, berat ayam berkurang secara purata kira-

kira 400 gram menjadikan berat seekor ayam tinggal kira-kira 1.8 kilogram.

"Jika kami jual dengan harga RM7.10 iaitu harga ditetapkan bagi ayam standard, bermakna seekor ayam berharga RM12.78 sen iaitu lebih rendah daripada harga 'modal,' katanya ketika ditemui di sini semalam.

Hamdan berkata, bagi mengejalkan kerugian, dia mengambil keputusan untuk memproses dan menjual ayam super kerana harga ditetapkan masih men-

guntungkan.

"Saya memperoleh ayam dengan harga RM6.05 sekilogram daripada penternak, tetapi walaupun harga itu lebih rendah daripada harga kerajaan, namun jika dijual pada harga RM7.10 sekilogram, saya masih rugi," katanya.

Sementara itu, pengurus syarikat Ayam Putih MG Sdn. Bhd., Azlisham Muhammad, 34, berkata, pihaknya tiada masalah mengikuti harga ditetapkan kerajaan kerana mempunyai la-

dang ternakan sendiri.

"Kami mengikut harga kerajaan, namun sebagai pemain industri, kami faham pihak yang terkesan dengan skim harga yang ditetapkan dan langkah kerajaan pula hanya untuk memastikan pengguna tidak terbebani.

"Mungkin kerajaan perlu memikirkan penyelesaian supaya ada situasi menang-menang sebagai contoh memberikan subsidi untuk harga ayam sepanjang tempoh musim perayaan ini," katanya.

Oleh Mohamed Farid Noh farid\_noh@bh.com.my

Johor Bahru

"Allahamduillah, lega apabila lihat harga ayam RM7.90 sekilogram (kg) hari ini (semalam) berbanding RM9.50 sejak beberapa hari lalu," kata pekerja swasta, Hidayah Abd Wahab, 43.

Kelegaan itu diluhukan pengguna susulan penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP), bermula semalam, sekaligus mendorong barang keperluan terutama ayam turun secara mendadak.

Berdasarkan tinjauan Harian Metro di pasar basah kawasan Tampoi dan Skudai, kebanyakkan pengguna menarik nafas lega dengan langkah yang diambil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan melaksanakan SHMMP lebih awal tahun ini berbanding menjelang perayaan sebelum ini.

Hidayah berkata, dia lega apabila harga barang keperluan terutama ayam kembali turun selepas naik mendadak sejak sembilan hari lalu.

"Agak membebankan apabila harga ayam naik kerana kebanyakkan pengguna nemang beli ayam sebagai auk utama keluarga bericutan harga ikan agak mahal dan mengikut musim," catanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ahad lalu, KPDNHEP mengumumkan 12 jenis barang bawah SHMMP 2021 bermula semalam.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, di-



## Harga ayam kembali turun

Orang ramai lega penguatkuasaan SHMMP

laporkan berkata, senarai barang yang diumumkan dalam SHMMP termasuk ayam, telur ayam, daging serta hasil laut seperti ikan tongkol, selayang, kembung dan mabung.

Sementara itu, suri rumah, Nor Azura Sulaiman, 38, pula berharap peniaga meletakkan tanda harga lebih besar dan jelas bagi membolehkan pengguna tahu harga barang jualan terutama yang disenaraikan mengikut SHMMP.

"Saya tak sedar SHMMP

“Agak membebankan apabila harga ayam naik Hidayah

mula berkuat kuasa hari ini (semalam) namun apabila peniaga ayam maklum harga ayam hari ini adalah RM7.90, baru saya tahu.

"Harapnya, peniaga gunakan poster tanda harga lebih besar kerana rasanya ramai pengguna tidak sedar, skim kawalan harga sudah dikuatkuasakan selain mengelakkannya di manipulasi peniaga tak bertanggungjawab," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam, Marwan Bahrom, 35, turut meluahkan kelegaan

apabila SHMMP mula berkuat kuasa kerana sejak sembilan hari lalu, kebanyakkan peniaga ayam termasuk dia dimarahi pengguna kerana menaikkan harga ayam.

"Ada segelintir pengguna enggan percaya harga ayam naik bukan disebabkan peniaga tetapi dari ladang lagi disebabkan harga dedak yang melonjak.

"Namun saya juga bersyukur di sebalik pelaksanaan SHMMP, jualan ayam tahun ini meningkat sekali ganda, jika tahun lalu hendak capai jualan 150 ekor seharian susah, namun tahun ini jualan kembali antara 300 hingga 320 seharian," katanya.

## 'Untung jual ayam 30 sen sahaja'

**Kuala Lumpur:** Skim Haraga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang berlaku semalam dipatuhi pelniaga.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Jalan Raja Bot di sini, mendapati peniaga mematuhi skim harga ditetapkan itu.

Peniaga ayam, Fadzil Ibrahim, 58, berkata, walaupun penetapan harga itu memberi kesan dari segi keuntungan, dia bersama peniaga lain masih boleh meneruskan perniagaan.

Katanya, ayam dijual pada harga antara RM7.90 hingga RM8.50 sekilogram seperti ditetapkan kelmarin.

Bagaimanapun, katanya, dia berharap pembekal tidak menaikkan harga yang boleh menjelaskan peniaga di pasar seperti ini.

"Untung berniaga ayam

dengan harga ini sekitar RM0.30 sen saja. Harapnya pembekal tidak menaikkan harga sehingga kami pula rugi."

"Setakat ini, untung hanya sedikit dan kalau harga ditetapkan ini naik lagi, saya rasa itu lebih baik," katanya yang berniaga di pasar berkenaan sejak 21 tahun lalu.

Bagi pengguna, Abdul Rahman Abu Bakar, 58, dia memilih untuk membeli barang di kedai sama bagi mengelakkan kerugian.

"Isu kenaikan harga barang ini setiap tahun berlaku, terutama ketika Ramadan dan Aidilfitri.

"Jadi selain pengenalan skim harga, mungkin kerajaan perlu memastikan penguatkuasaan berterusan bagi mengelakkan ada yang mengambil kesempatan," katanya.



AYAM dijual pada harga antara RM7.90 hingga RM8.50 sekilogram seperti mana ditetapkan kelmarin.

FESTIVE SEASON PRICE-CONTROL SCHEME

# CHICKEN TRADERS UPSET OVER LAST-MINUTE PRICE CONTROL

Traders claim still paying higher price to suppliers, making only 40 sen from every kg sold

MOHAMED BASYIR  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**C**HICKEN sellers at markets are frustrated by the sudden announcement of price control and its immediate enforcement.

Checks at the Raja Bot market here saw all traders selling the standard chicken at RM7.90 per kg, according to the Festive Season Price-Control Scheme announced two days ago.

However, they were upset by the sudden announcement as they are making only a small profit.

Trader Ahmad Nazrin told the *New Straits Times* that they should have been given ample time to prepare before the ruling was enforced.

"We are still paying a higher price to our suppliers. Why is the government doing this to us?

"Business has not been good since the pandemic."

"Now, they are doing this to us," he said at the market here yesterday.

Another seller, who spoke on condition of anonymity, said the price quoted by suppliers was still high at RM7.50 per kg.

Today, he said, they were



A trader selling chicken at the Raja Bot market in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

forced to sell it at RM7.90, only to earn a 40 sen profit for every kg of chicken sold.

The man, in his early 40s, said the government should instead set a ceiling price for suppliers as it would indirectly lower the prices of the chicken in the markets.

"But the ones being scrutinised

are us (traders). This is difficult for us. Hari Raya is approaching and our business is not doing that well."

Recently, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry announced the Festive Season Price-Control Scheme to impose ceiling prices for 12 items.

The prices will be enforced un-

til May 20 for the Hari Raya Aidilfitri celebration.

Its minister, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, said the measure was to curb an increase in the prices of essential goods during Ramadan and Hari Raya Aidilfitri. Prior to the enforcement, the price of standard chicken rose steadily to RM10 per kg.

## 'Scheme should have been announced earlier'

**KUALA LUMPUR:** The Agriculture and Food Industries and the Domestic Trade and Consumer Affairs ministries have been urged to be more proactive in imposing price control schemes during the festive period.

Former agriculture and agro-based industry minister Datuk Salahuddin Ayub said the mechanism used to fix the ceiling price was different during the Pakatan government's time.

For instance, he said, both the ministries held meetings with the

stakeholders, including the suppliers, way before Ramadan to discuss the ceiling prices of essential goods.

"We discussed and came to an agreement on the prices so that their profit margins were not too small."

"Then, we enforced it for a month, two weeks before Hari Raya and another two weeks during Hari Raya. This worked out well during our governance," he said at the Raja Bot market here yesterday. He was there to speak

to the traders on the first day of the Festive Season Price-Control Scheme.

Twelve items are listed under the price control scheme, which will be enforced until May 20 for the Hari Raya Aidilfitri celebration.

The enforcement comes barely days after the announcement by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Salahuddin said such a price control scheme should have been announced earlier to give time

for suppliers and sellers to adjust and sell accordingly.

Moreover, he said, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, during Pakatan's time, had fixed the controlled price for up to 33 essential items.

"Many items are missing in this scheme. Cabbage, tomatoes and white onions are still not in the list."

"Both the ministries should work things out and expand the price control scheme to include other products soon."

## Kaji, atasi punca harga barang naik

M Zailan  
Pasir Puteh

Isu kenaikan harga ayam sejak beberapa hari lalu mendapat liputan meluas media, dengan pihak berkuasa memberikan pelbagai respon.

Alhamdulillah, ia wajar diberi perhatian tinggi memandangkan isu harga barang keperluan, mempunyai kaitan besar dengan rakyat.

Cuma satu kemusyikan berlebar kerana isu ini seperti bermusim. Setiap kali menjelang musim perayaan, harga barang akan meningkat dan pengguna akan merungut.

Di sinilah tuding-menuding berlaku. Pengguna mula salahkan peniaga kononnya cekik darah, manakala peniaga pula salahkan pemborong dan pembekal. Ibarat tiada kesudahan.

Persoalananya, kenapa kenaikan harga barang ini terus-menerus berlaku dan ibarat trend ia terjadi ketika musim perayaan menjelma.

Semua ini perlu dikaji puncanya. Justeru, pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu cari langkah proaktifkekang kenaikan harga sebelum berlaku.

Jika bekalan jadi punca, cari jalan sediakan stok tambahan lebih awal untuk imbangi pasaran. Semua ini sudah boleh dijangka kerana saban tahun masalah ini berlaku.

# Pengguna sering tertipu semasa beli barang keperluan

**SAUDARA PENGARANG,**

**ANTARA** objektif penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah advokasi kepada peniaga untuk meningkatkan pematuhan dan turut berfungsi dalam membanteras penyelewengan perdagangan.

Memetik objektif dan bidang tugas kementerian tersebut semata-mata untuk mendapatkan penjelasan pihak berkaitan supaya pengeluar tidak melakukan penyelewengan dan penipuan kepada pengguna.

Pada masa sama, KPDNHEP boleh melakukan siasatan supaya kegiatan penipuan dan penyelewengan dalam perdagangan dapat dikenal pasti serta disekat seperti isu penipuan perniagaan buah-buahan di pasar raya.

Peniaga mendapat keuntungan dengan mudah apabila menjual buah yang berkualiti dan dicampur dengan yang tidak berkualiti. Saya juga sering terbeli anggur dan buah

naga yang nampak masak tetapi apabila dimakan terasa pahit dan kurang manis.

Penjual dan pemborong sepatutnya mengenal pasti terlebih dahulu buah-buahan yang sesuai dijual. Disebabkan peraturan tegas yang tidak membenarkan pengguna merasa sebelum membeli, maka pembeli mudah ditipu oleh penjual.

Perkara sama berlaku terhadap barang basah seperti ikan, ayam dan daging.

Pengguna mempunyai hak untuk mendapat barang yang sama nilai dengan harga dibeli, sementara penjual perlu mematuhi beberapa akta jual beli seperti timbang dan sukat serta percatautan.

Justeru, dalam berhadapan dengan iklim ekonomi yang kurang baik ini, diharapkan KPDNHEP memantau tempat yang menjadi tumpuan orang ramai bagi membanteras kegiatan penipuan terutama dalam timbang dan sukat.

**ABDUL HAMID**  
Temerloh, Pahang

### Mamak Cyber

Oleh Maro



SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : **KHAMIS**  
TARIKH : **22/4/2021**  
M/SURAT : **16**



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	<b>RM5.99</b>	Telur Cred A.	<b>RM9.90</b>	Gula Pasir	<b>RM2.20</b>	Cili Merah	<b>RM6.50</b>
Daging Lembu Tempatan	<b>RM34</b>	Ikan Kembung	<b>RM8.90</b>	Bawang Besar Holland	<b>RM2.29</b>	Kubis Tempatan	<b>RM2.50</b>
Daging Lembu Import	<b>RM24</b>	Minyak Masak	<b>RM5.30</b>	Bawang Putih	<b>RM4.89</b>	Tepung Gandung	<b>RM2.19</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

## RON97 naik empat sen, RON95 tidak berubah

**KUALA LUMPUR** - Harga runcit petrol RON97 naik empat sen se-liter, manakala harga runcit RON95 dan diesel masing-masing kekal RM2.05 dan RM2.15 seliter bagi tempoh 22 hingga 28 April ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan pada Rabu berkata, harga baharu petrol RON97 adalah RM2.58 seliter.

Menurut kenyataan itu, harga berkenaan berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan mengekalkan paras harga siling RM2.05 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel walaupun harga runcit APM bagi RON95 dan diesel telah meningkat melebihi harga siling yang ditetapkan.

"Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia dan

mengambil langkah bersetujuan bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara," menurut kenyataan itu.

Kementerian Kewangan berkata, kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah yang bersetujuan bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

- Bernama



Harga runcit bagi RON95, RON97 dan diesel.

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 22/4/2021  
M/SURAT : 1

	<b>New fuel prices</b> <i>April 22 – April 28</i>
<b>RON95</b>	<b>RM2.05</b> (unchanged)
<b>RON97</b>	<b>RM2.58</b> (+4 sen)
<b>DIESEL</b>	<b>RM2.15</b> (unchanged)



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)**

---

---

**22 APRIL 2021 (KHAMIS)**

# Mahasiswa perlu rebut peluang ceburi perniagaan dalam talian

Muhammad Zarif Zaidi  
Pelajar Sarjana Keusahawanan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Dunia digemparkan penularan wabak COVID-19 dan Malaysia tidak terkecuali menerima kesan negatif.

Beruntungnya, kebijaksanaan pemimpin dan kerajaan mengurangkan impak buruk menerusi pelbagai paket rangsangan ekonomi diambil, bagi mengekalkan kesejahteraan kewangan golongan berpendapatan rendah, pekerja dan majikan.

Namun, dalam menghadapi gelombang COVID-19 seterusnya dan cabaran ekonomi mendatang, semua pihak perlu memainkan peranan secara cekap bagi memastikan ekonomi negara terus mampas dan berdaya saing.

Menerusi ketersediaan teknologi dan penggunaan aplikasi dalam talian yang ada, kelompok mahasiswa mampu menyumbang ke arah kesejahteraan ekonomi negara selepas berakhirnya krisis COVID-19 kelak.

Di samping meneruskan pengajian, mahasiswa boleh menggunakan masa senggang dengan aktiviti ekonomi bermanfaat. Perniagaan secara dalam talian satu alternatif fleksibel dan amat baik untuk diterokai.

Mahasiswa pastinya berupaya menjana pendapatan sendiri. Pada masa sama menyokong kelestarian usahawan sektor perniagaan kecil dan sederhana (PKS) di persekitaran masing-masing.

Menjana pendapatan sebegini tidak memerlukan modal besar. Malah, ada perniagaan dalam talian tidak memerlukan modal langsung dengan hanya menggunakan kaedah perkongsian ekonomi seperti 'dropship'.

Peluang juga terbuka luas apabila kebanyakan pengguna beralih kepada pembelian dalam talian susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan



penjarakan sosial diperkenalkan, seperti dilaporkan dalam hasil kajian Jabatan Perangkaan Malaysia.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga melaporkan, sehingga 2018 terdapat 87.4 peratus penduduk Malaysia menggunakan internet dengan 53.3 peratus untuk urusan jual beli dalam talian.

Bagi merealisasikan gagasan ini, mahasiswa yang berminat, tetapi masih belum menguasai atau mula berjinak-jinak dengan perniagaan dalam talian, disarankan dapat menggunakan sedikit masa

yang ada untuk mencari maklumat dan panduan memulakan perniagaan melalui platform ini.

Banyak sumber rujukan diberikan pakar perniagaan berwibawa. Usaha membina jaringan perniagaan bersama kelompok rakan dan usahawan PKS juga wajar dimulakan menerusi penyertaan dalam media sosial.

Maklumat juga boleh diperoleh dalam rangkaian penyedia platform pemasaran dalam talian seperti Lazada dan Shopee.

Seperti diketahui, Ramadan menjelma dan Aidilfitri bakal tiba juga membuka banyak peluang perniagaan. Sudah pasti ramai pengusaha dan perniaga cenderung menggunakan khidmat pemasaran secara 'dropship' bagi melariskan produk masing-masing.

Peluang keemasan ini wajar direbut mahasiswa sebagai langkah pertama berniaga di alam maya. Namun, untuk melangkah lebih jauh, lebih baik daftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Bagi menggalakkan lebih ramai menyertai dan menjalankan perniagaan dalam talian, kerajaan wajar menyentuh insentif termasuklah subsidi perkhidmatan kurier, pengiklanan secara digital dan lain-lain yang mampu membantu mengembangkan perniagaan terutama untuk usahawan PKS.

Dengan memperkasakan usahawan ini, ekonomi dapat diperkuatkan bersama. Ini kerana, ia mampu meningkatkan kitaran wang dalam negara seterusnya mengekalkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke arah lebih baik.

Kesimpulannya, peluang terbuka untuk mahasiswa membantu memperkuatkan kesejahteraan ekonomi negara pasca COVID-19 dan ia tidak wajar dilepaskan.